

06/02/1998

NCWO sangsi kempen jual emas

KUALA LUMPUR, Khamis - Beberapa pertubuhan wanita di negara ini meminta kerajaan mengendali dan menyelenggarakan penjualan barang kemas di luar negara bagi memastikan program itu dapat berjalan dengan lancar.

Ini kerana penjualan barang kemas adalah satu proses yang teknikal dan kemungkinan berlaku penipuan ketika barangan itu dinilai, selain harga pasarannya yang tidak selaras di setiap negara.

Timbalan Presiden Pertubuhan Wanita Kebangsaan (NCWO) Datin Dr Sharifah Habsah Syed Hassan, berkata kerajaan adalah saluran paling sesuai untuk melaksanakan urusan penjualan yang memerlukan wakil bertauliah dalam perniagaan emas antarabangsa.

"NCWO sentiasa bersedia memberi sokongan dengan berkempen untuk menggalakkan ahlinya menyahut saranan kerajaan itu.

"Bagaimanapun, penjelasan terperinci mengenai cara penjualan dan faktor keselamatan perlu dibuat terlebih dahulu, selain memastikan urusan niaga yang dijalankan tidak melanggar undang-undang.

"Walaupun cadangan sudah dibuat berulang kali, tiada pihak yang tampil mengambil inisiatif melaksanakan usul ini, sebaliknya terlalu banyak persoalan yang tidak terjawab sehingga menimbulkan kesangsian orang ramai," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan wanita Malaysia menjual emas bagi tujuan tabungan dan pelaburan saham amanah untuk membolehkan lebih banyak dana dikumpul oleh institusi kewangan.

Dana itu kemudian akan dijadikan pinjaman kepada peniaga untuk meningkatkan produktiviti negara.

Setiausaha Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM), Datuk Lily Abdul Majeed, pula berkata menjual barang kemas bukan rumusan tunggal untuk mengatasi kegawatan ekonomi sekarang, sebaliknya masih ada pelbagai kaedah lain untuk membantu menyelesaikan masalah itu.

"Contohnya, pengurusan ekonomi rumah tangga yang mantap dapat menjimatkan kos sebanyak 30 peratus bagi setiap rumah dan ini sudah tentu mampu memberikan sumbangan besar terhadap pemulihan ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, NCWO dan LKPIM merancang untuk mengadakan beberapa kempen besar-besaran mulai bulan ini bagi menyedarkan wanita mengenai kedudukan dan kemampuan mereka dalam membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi.

(END)